

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

Y.B. Tuan Khoo Soo Seng [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah penting dan konkrit yang diambil oleh Kerajaan demi menjamin “*Sustainable Development Goals*” yang diluluskan di IPU and AIPA tercapai di negara kita.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat *Sustainable Development Goals* (SDG) yang dibincangkan di *Inter Parliamentary Union* (IPU) dan *ASEAN Inter Parliamentary Assembly* (AIPA) masih dalam rundingan negara-negara di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). SDG yang masih diperingkat rundingan ini akan dimuktamadkan untuk dipersetujui oleh ketua-ketua negara pada sesi ke-70 Persidangan Tahunan PBB yang dijadual untuk diadakan pada bulan September 2015.

Pada masa ini, draf SDG mengandungi 17 sasaran dan 169 indikator dan antara sasaran yang dicadangkan adalah membasmi kemiskinan; memastikan kesihatan yang baik dan menggalakkan kesejahteraan kehidupan pada semua peringkat umur; menggalakkan persamaan jantina dan menguasai wanita; membina infrastruktur berdaya kental, menggalakkan perindustrian yang inklusif, mampan dan berinovasi; memastikan amalan penggunaan dan pengeluaran mampan; dan melaksanakan langkah bagi menangani perubahan iklim dan impaknya.

Malaysia akan mengambil langkah-langkah sewajarnya apabila sasaran tersebut dimuktamadkan dan mengguna pakai sasaran dan indikator yang selari dengan dasar-dasar Kerajaan.

Sekian, terima kasih.